

## Faktor yang mempengaruhi peranan pengetua dalam meningkatkan amalan membaca menerusi program NILAM (*Factors that influence the role of principals in improving reading habits through the NILAM programme*)

Open  
Access

Zuridah Hanim Md. Akhir <sup>1,\*</sup>, Mohd. Hasani Dali <sup>1</sup>, Khaliza Saidin<sup>1</sup>

<sup>1</sup> School of Education & Modern Language College of Arts & Sciences, Universiti Utara Malaysia, Sintok, 06010 Kedah Darul Aman, Malaysia

### ARTICLE INFO

#### Article history:

Received 7 March 2017

Received in revised form 17 April 2017

Accepted 22 May 2017

Available online 23 May 2017

### ABSTRACT

Kajian kes ini bertujuan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi peranan pengetua dalam meningkatkan amalan membaca menerusi Program NILAM di sekolah menengah. Kajian kualitatif ini menggunakan persampelan bertujuan. Temu bual separa berstruktur telah dijalankan ke atas 22 orang responden yang terdiri daripada pengetua, guru, pelajar dan Pegawai di Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri. Data kemudian dianalisis menerusi kaedah analisis kandungan menggunakan perisian Atlas ti. Bagi menentukan tema dan subtema, seterusnya menjawab persoalan kajian. Hasil dapatan mendapati terdapat dua kategori faktor berdasarkan pertimbangan penyelidik iaitu faktor dalaman dan faktor luaran yang mempengaruhi peranan pengetua dalam meningkatkan amalan membaca. Faktor dalaman yang dinyatakan oleh responden ialah Jawatankuasa Program Membaca, kesedaran pengetua dan kekuatan PSS. Faktor luaran pula terdiri daripada peranan badan kerajaan, peranan PIBG dan peranan alumni. Hasil kajian dapat dijadikan panduan kepada para pengetua lain untuk memperkasakan faktor –faktor yang dinyatakan supaya dapat meningkatkan amalan membaca di sekolah masing-masing dengan lebih berkesan. Penyelidik mencadangkan agar kajian lanjutan berkaitan amalan pengetua dalam meningkatkan minat membaca di sekolah dilaksanakan secara lebih mendalam menggunakan pendekatan kualitatif dan kuantitatif terutama dalam konteks sistem pendidikan tempatan demi meningkatkan minat membaca pelajar di sekolah.

*The case study aimed to identify factors that influence the role of principals in improving reading habits in secondary schools through the NILAM Programme. This qualitative study used purposive sampling. A semi-structured interview was conducted with 22 respondents, consisting of the principals, teachers, students, and officers from the state's Educational Technology Division. Data were later analysed by applying content analysis method which uses the Atlas ti software to determine the theme, sub-theme, and subsequently answer the study question. Based on the researcher's consideration, the study results have found two categories of factors, namely the internal and external factors, which influence the principal's role to upgrade reading habits. The internal factors mentioned by the respondents are the Reading Programme Committee, principal's awareness, and School Resource Centre strength. The external factors consist of the roles of government bodies, PTA, and alumni. The study results*

\* Corresponding author.

E-mail address: [zida165610@yahoo.com](mailto:zida165610@yahoo.com) (Zuridah Hanim Md. Akhir)

---

*can be applied as guidance for other principals in empowering the above mentioned factors to improve their school's reading habits more effectively. The researcher recommends qualitative and quantitative approaches for further in-depth studies on the principal's practices in school to upgrade reading interest, especially within the local education system context.*

**Keywords:**

Amalan membaca, Peranan pengetua sekolah, sekolah menengah, Program NILAM

*Reading interest, School principal roles, secondary school, NILAM programme.*

Copyright © 2017 PENERBIT AKADEMIA BARU - All rights reserved

---

## 1. Pengenalan

Sekolah merupakan salah satu platform kepada kerajaan dalam menjayakan hasrat negara. Menerusi Falsafah Pendidikan Negara, kerajaan Malaysia telah menjadikan sekolah sebagai medan untuk melahirkan generasi yang holistik dari segi intelek dan komuniti yang berilmu serta bermaklumat menjelang tahun 2020. Bagi merealisasikan hasrat ini, amalan membaca perlu diterapkan oleh pengetua di sekolah kerana membaca merupakan aspek utama kepada penerokaan ilmu pengetahuan [1-3], asas pendidikan dan nadi pembelajaran sendiri [4-5] dan alat untuk pembelajaran sepanjang hayat [6-8]. Tambahan pula, pelajar yang terlibat sepenuhnya dengan program-program membaca merupakan pelajar yang cemerlang dan berjaya di sekolah [7, 9-11], mempunyai tahap pemikiran yang kritis serta mampu menganalisis dan menguasai sesuatu perkara dengan lebih baik berbanding rakan sebaya yang kurang membaca [10]. Pelajar yang rajin membaca juga menguasai kemahiran menulis [1, 12, 13]. Oleh itu, hal ini jelas menunjukkan bahawa pembudayaan amalan membaca di bangku sekolah menjadi pemangkin ke arah generasi yang lebih cemerlang dan mengamalkan pembelajaran sepanjang hayat.

Selaras dengan ini, Dasar Galakan Membaca Negara telah digubal oleh kerajaan pada tahun 1987 bagi menggalakkan dan menanam sifat gemar membaca dengan menyasarkan 100% rakyat Malaysia membaca pada tahun 2000. Dalam konteks pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengambil inisiatif bagi memupuk minat dan motivasi membaca dalam kalangan pelajar secara berterusan dan terancang menerusi Program NILAM, iaitu singkatan bagi Nadi Ilmu Amalan Membaca pada tahun 1999. Surat Pekeliling Ikhtisas Bil 13/1998 telah dikeluarkan untuk memberi arahan supaya semua sekolah wajib membentuk mekanisme pelaksanaan bagi merancang dan menjalankan aktiviti-aktiviti membaca yang melibatkan semua pelajar.

Menerusi Program NILAM, para pelajar diiktiraf berdasarkan bacaan yang direkod dan ganjaran khusus diberi kepada para pelajar yang banyak membaca dalam bentuk sijil, hadiah dan diraikan dalam perhimpunan atau majlis khas. Pengiktirafan ini akan dicatat dalam Buku Rekod Kemajuan pelajar, Sijil Berhenti Sekolah dan Surat Aduan Sekolah. Selain itu, selaras dengan pelaksanaan Penilaian Berasaskan Sekolah mulai tahun 2012, Program NILAM turut diambil kira dalam Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kurikulum (PAJSK) di bawah kategori penglibatan ekstra kurikulum yang membawa skor 10 markah. Bagi pencapaian kokurikulum pula, markah pencapaian NILAM dikategorikan sebagai bonus dan diambil kira di dalam penilaian 10% kokurikulum. Pengiktirafan ini

penting kerana boleh digunakan sebagai sebahagian daripada kriteria pemilihan ke Sekolah Kawalan, Sekolah Berasrama Penuh atau temu duga untuk penajaan biasiswa.

Oleh hal yang demikian, sekolah yang diterajui oleh pengetua perlu melaksanakan Program NILAM yang terancang dan berkesan. Hal ini kerana tabiat membaca bukanlah sifat semula jadi tetapi perlu dipupuk dan dirancang agar lahir keinginan dan keseronokan membaca [14]. Surat Pekeliling Ikhtisas Bil 1/2005 dikeluarkan untuk memberi garis panduan memantapkan budaya membaca dalam kalangan pelajar di sekolah. Sebagai langkah utama, peranan pemimpin sekolah ditekankan secara serius untuk melaksanakan Program NILAM dengan mengambil langkah-langkah berikut:

1. Mengambil bahagian secara aktif dengan melibatkan semua pelajar dan guru mata pelajaran.
2. Memberi pengiktirafan kepada pelajar yang banyak membaca.
3. Mempromosikan Program NILAM supaya dapat disebar dengan lebih cepat dan meluas.
4. Memantapkan sistem pengurusan rekod bacaan pelajar dan data pencapaian NILAM.
5. Memastikan jumlah bacaan pelajar dicatat ke dalam buku rekod kemajuan pelajar dan sijil berhenti sekolah.
6. Memastikan setiausaha NILAM menyelaras pengurusan rekod bacaan dan data pelajar dengan kerjasama Penyelaras Pusat Sumber Sekolah, ketua bidang/guru kanan mata pelajaran dan guru-guru lain.
7. Mengambil kira buku-buku yang dibaca dalam program bacaan.
8. Mewujudkan persekitaran yang kondusif di sekolah untuk menggalakkan pelajar membaca.

Namun begitu, walaupun Program NILAM telah dilaksanakan hampir 17 tahun (1999- 2016), hakikatnya tahap bacaan pelajar masih rendah. Data yang dikeluarkan oleh Bahagian Teknologi Pendidikan [15] menunjukkan bahawa bilangan pelajar sekolah menengah yang mendapat pengiktirafan dalam Program NILAM di sekolah hanyalah 15.3% di seluruh Malaysia. Kajian Vethamani [16] menunjukkan bahawa Program NILAM tidak mencapai objektif kerana pelaksanaannya secara menyeluruh tidak berkesan. Pelajar dikatakan terbeban dengan membaca buku yang banyak dan perlu merekod sinopsis tanpa memahami apa yang dibaca dengan lebih berkesan. Walaupun pelbagai program dilaksanakan oleh Kerajaan untuk memperkasakan Program NILAM namun keberkesanannya masih di tahap kurang memberangsangkan dan boleh dianggap tidak berjaya kerana pelajar tidak terlibat secara aktif [17].

Dapatan ini memperkukuhkan lagi kajian-kajian di peringkat tempatan yang jelas membuktikan bahawa tahap minat membaca pelajar sekolah menengah dalam lingkungan umur 13 hingga 17 tahun adalah rendah [18-20]. Kebanyakan pelajar sekolah menengah menolak untuk membaca atau lebih dikenali sebagai 'reluctant reader' dan hanya membaca untuk peperiksaan [19]. Selain itu, kajian Inderjit [20] turut mendapati tahap minat membaca para pelajar di Malaysia masih kurang memuaskan walaupun setelah sebelas tahun menerima pendidikan formal di sekolah. Senario ini sudah pasti akan menjejaskan usaha murni kerajaan untuk menjadikan alam persekolahan sebagai platform dalam menyemai tabiat membaca.

Walaupun terdapat kajian yang menunjukkan bahawa Program NILAM yang dijalankan sejak tahun 1999 kurang berkesan dan tidak mencapai objektif, namun didapati terdapat beberapa sekolah yang menunjukkan pencapaian cemerlang sehingga mendapat pengiktirafan Anugerah Pusat Sumber Cemerlang dan Anugerah NILAM daripada Kementerian Pendidikan Malaysia di peringkat kebangsaan. Sekolah-sekolah ini sewajarnya dijadikan contoh dan penanda aras atas usaha meningkatkan amalan membaca pelajar. Persoalannya, apakah faktor-faktor yang mempengaruhi peranan pengetua sekolah tersebut sehingga berjaya meningkatkan amalan membaca? Berdasarkan isu ini maka kajian kualitatif berbentuk kajian kes telah dijalankan untuk mengenal pasti dan

memahami faktor-faktor yang mempengaruhi sekolah tersebut dalam usaha meningkatkan amalan membaca menerusi Program NILAM. Hasil dapatan kajian ini dapat dijadikan garis panduan kepada pengetua lain agar memberi fokus dan membangunkan faktor-faktor yang telah dikenal pasti demi melahirkan masyarakat pembaca yang dihasratkan negara.

## 2. Sorotan Literatur

### 2.1. Faktor yang Mempengaruhi Program NILAM (*Nadi Ilmu Amalan Membaca*)

Kajian Program NILAM khasnya yang memberi fokus kepada faktor-faktor yang mempengaruhi peranan pengetua adalah sangat terhad. Kajian terdahulu oleh Bahagian Teknologi Pendidikan [21] menunjukkan bahawa penglibatan pelajar dalam aktiviti NILAM bergantung kepada komitmen pengetua. Namun pengetua beranggapan program ini memberi bebanan tambahan kerana dipengaruhi oleh faktor masalah sikap pelajar, faktor sosial, masalah infrastruktur, kewangan dan tiada jawatan khas di pusat sumber. Hal ini menyebabkan ramai pengetua khasnya di sekolah berasrama penuh tidak memberi penekanan kepada program ini kerana memberi tumpuan kepada peperiksaan.

Lanjutan daripada itu, kajian Wan Ah [22] turut menunjukkan bahawa objektif program NILAM belum tercapai sepenuhnya. Oleh itu, pengetua selaku pemimpin sekolah digesa untuk menubuhkan jawatankuasa program NILAM di peringkat sekolah untuk menggalakkan pelajar membaca. Selain itu, faktor-faktor yang perlu ditekankan dalam pelaksanaan Program NILAM ialah koleksi bahan bacaan, sokongan pihak pentadbiran sekolah dan penglibatan ibu bapa dan guru. Ini bermakna koleksi bahan di pusat Sumber sekolah perlulah selaras dengan keperluan pelajar dan pihak pentadbiran sekolah perlulah memberi sokongan dan bantuan kewangan dalam pelaksanaan aktiviti. Kerjasama guru-guru dan sokongan ibu bapa di rumah yang berterusan akan menjadi pendorong kepada usaha pengetua menggalakkan lagi minat membaca dalam kalangan pelajar [14].

Faktor keluarga turut menjadi pendorong kepada minat dan penglibatan pelajar dalam NILAM [23-25]. Hal ini kerana pendidikan awal bermula di rumah dan minat membaca dalam kalangan pelajar perlu dipupuk sejak kecil serta berterusan. Banyak penyelidikan menunjukkan bahawa minat membaca sebenarnya bermula dari rumah dan pelajar yang membaca biasanya mempunyai ibu bapa yang juga terlibat dengan aktiviti membaca [25]. Namun faktor sosioekonomi keluarga mempengaruhi tahap kecenderungan pelajar dalam aktiviti membaca [24]. Sehubungan itu, pelajar berpendapatan rendah bergantung kepada sekolah semata-mata untuk menyediakan kemudahan membaca.

Oleh hal yang demikian, pihak sekolah di bawah kepimpinan pengetua bertanggungjawab menyediakan pusat sumber yang mempunyai bahan bacaan yang lengkap dan menjadi pemangkin budaya membaca [26]. Faktor pusat sumber yang lengkap dengan keperluan dan kehendak pelajar dapat memotivasikan mereka untuk terus membaca. Namun secara realitinya, sekolah-sekolah di Malaysia masih lagi menghadapi cabaran terutama dalam aspek peruntukan kewangan dalam menyediakan koleksi bahan yang selaras dengan perkembangan semasa [14]. Oleh itu, masalah ini turut menjejaskan peranan pengetua dalam usahanya menyediakan kemudahan membaca kepada para pelajar.

Selain faktor kemudahan Pusat Sumber yang lengkap, didapati bahawa pelajar-pelajar sekolah menengah lebih banyak menghabiskan masa di sekolah [7]. Oleh itu, faktor rakan sebaya turut menjadi faktor utama pemangkin minat membaca di sekolah. Faktor rakan sebaya juga turut diambil kira oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dalam menyediakan Modul Pelaksanaan NILAM. Menerusi modul ini, para pelajar yang telah membaca 100 buah buku dan mempunyai ciri-ciri kepimpinan, boleh dilantik sebagai Rakan Pembaca. Rakan Pembaca ini berfungsi untuk membantu

pihak sekolah mempengaruhi rakan-rakan lain menerusi aktiviti meminjamkan buku, bercerita, resensi buku, membaca bersama dan lain-lain aktiviti yang menjurus kepada usaha meningkatkan amalan membaca. Rakan pembaca ini akan diselia oleh guru yang ditetapkan oleh pihak sekolah. Namun, kajian Azlin Norhaini Mansor, Mohd Sattar Rasul, Rose Amnah Abd. Rauf dan Koh [7] ini menunjukkan bahawa tiada seorangpun responden yang menyatakan faktor guru dalam menggalakkan minat membaca. Oleh itu, faktor guru dalam mempengaruhi usaha pengetua meningkatkan amalan membaca memerlukan kajian lanjut.

Selain itu, didapati pengetua-pengetua sekolah di Malaysia kurang mengambil tindakan proaktif dalam pelaksanaan aktiviti membaca dan pelaksanaan secara menyeluruh hanya berlaku apabila mendapat arahan daripada pihak atasan [7]. Ini menunjukkan bahawa pihak kerajaan khususnya Kementerian Pendidikan Malaysia turut menjadi faktor yang mempengaruhi keberkesanan tugas pengetua dalam menggalakkan pelajar membaca. Tambahan pula, program NILAM boleh ditingkatkan keberkesananannya jika kerajaan mengambil inisiatif memberi peruntukan kewangan tambahan kepada sekolah sebagai usaha untuk penambahan koleksi [27]. Selain itu, kerajaan dan pihak-pihak yang bertanggungjawab seharusnya menggunakan media masa untuk mempromosikan amalan membaca khususnya kepada golongan muda. Kenyataan ini turut disokong Ratnawati Mohd Asraf, Noorlide Abu Kassim, Ismail Sheikh Ahmad dan Zainurin Abdul Rahman [28] yang berpendapat persekitaran membaca di sekolah hanya boleh dibangunkan sekiranya semua pihak bekerjasama kerana semua faktor saling berkaitan.

## 2.2 Kajian Lampau Berkaitan

Kajian-kajian lalu menunjukkan bahawa faktor ibu bapa di rumah merupakan faktor yang dominan dan kerap kali dibincangkan kerana didikan awal ibu bapa sejak kecil akan menentukan kelangsungan minat membaca pelajar tersebut apabila melangkah ke alam persekolahan menengah [28 – 34]. Hal ini kerana kemudahan membaca di rumah menjadi pemangkin kepada keupayaan membaca yang lebih tinggi dan berterusan [35]. Malah Spector dan Jay [34] menegaskan bahawa faktor keluarga sangat mempengaruhi kepimpinan pengetua dalam aspek pembacaan pelajar. Kajian Dai [5] juga turut menyokong dapatan Spector dan Jay [34] apabila mendapati bahawa walaupun pihak sekolah menunjukkan kesungguhan dalam menggalakkan minat membaca, namun faktor ini sebenarnya adalah kecil berbanding faktor keluarga. Oleh hal yang demikian, pengkaji-pengkaji kepimpinan pengetua dalam aspek bacaan berpendapat perlunya kerjasama erat antara sekolah dan Persatuan Ibu Bapa Guru (PIBG) dalam menentukan kejayaan semua aktiviti bacaan di sekolah [36-38].

Selain itu, faktor persekitaran sekolah turut membantu mempengaruhi usaha pengetua menggalakkan pelajar membaca. Kajian Irvin Meltzer dan Dukes [9] dan Meltzer dan Hamann [39] mendapati persekitaran sekolah akan menggalakkan pelajar untuk terus kekal melibatkan diri dalam aktiviti membaca dan pembelajaran sendiri. Seperti mana yang dinyatakan oleh kajian terdahulu oleh Pandian [40], pelajar-pelajar akan lebih cenderung membaca sekiranya berada di sekolah yang mempunyai kemudahan bahan bacaan yang banyak.

Oleh itu, Kamal dan Othman [41] mencadangkan agar Pusat Sumber Sekolah perlu menyediakan bahan yang memenuhi tuntutan kurikulum dan persekitaran yang dapat memotivasikan minat membaca pelajar. Tambahan pula kajian menunjukkan bahawa pelajar akan membaca jika dipengaruhi persekitaran yang menggalakkan pembacaan [42]. Sehubungan itu Fox [31], Lone [43], Torgesen, Houston & Rissman [44] mencadangkan agar pengetua yang mempunyai matlamat untuk meningkatkan amalan membaca pelajarannya dapat memberi fokus kepada usaha membangunkan

persekitaran sekolah khususnya Pusat Sumber yang lengkap supaya wujud iklim dan budaya yang menggalakkan penerokaan ilmu.

Selain itu, kajian-kajian lalu juga menunjukkan bahawa kejayaan kepimpinan pengetua dalam aspek bacaan turut dipengaruhi oleh faktor perkongsian kepimpinan yang diamalkan. Menurut Bean dan Lillenstein [45], pengetua-pengetua sekolah yang berjaya akan memberi penurunan kuasa dan membentuk satu pasukan galakan membaca di peringkat sekolah. Pasukan ini juga turut membantu guru-guru menjana idea [46], melaksanakan program pembangunan professional tentang aspek bacaan [38] dan memberi bimbingan berterusan kepada para pelajar [47]. Pasukan ini juga bertanggungjawab membantu pengetua sekolah menentukan matlamat dalam aspek bacaan, memproses data bacaan, membuat keputusan berdasarkan data tersebut dan seterusnya membantu pengetua mengenal pasti sumber-sumber yang perlu dibangunkan untuk memperkasakan lagi aktiviti membaca sekolah [38, 41]. Aspek ini jelas menunjukkan bahawa pasukan galakan membaca yang cemerlang menjadi faktor pendorong kepada kejayaan pengetua dalam menjalankan peranannya sebagai pemimpin dalam aktiviti membaca dengan lebih berkesan.

### 3. Metodologi

Kajian ini merupakan kajian kualitatif dan penyelidik memilih kaedah kajian kes untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi peranan pengetua dalam usaha meningkatkan amalan membaca menerusi Program NILAM di sekolah menengah. Penyelidik memberi fokus kepada kes-kes pengetua cemerlang di tiga buah sekolah yang telah berjaya meningkatkan minat membaca para pelajar di sekolahnya sehingga memperoleh pelbagai pengiktirafan. Sampel dipilih secara persampelan bertujuan bagi membolehkan penyelidik mengumpul maklumat yang bersesuaian dengan konteks kajian. Ini bermakna responden yang dipilih dapat memberi maklumat yang lebih mendalam, bermakna dan seterusnya menjawab objektif kajian. Hal ini selaras dengan pandangan Cresswell [48] yang berpendapat bahawa persampelan bertujuan sangat sesuai bagi responden yang telah mengalami sendiri fenomena atau isu yang dikaji serta mampu memberi maklumat yang diperlukan.

Seramai 22 orang responden telah ditemu bual yang terdiri daripada pengetua, guru dan pelajar dari tiga buah sekolah yang mempunyai pencapaian cemerlang dalam aktiviti NILAM serta Pegawai di Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri. Rasional pemilihan pegawai-pegawai dari Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri tersebut adalah berasaskan pengalaman mereka memberi khidmat bantuan serta memantau ketiga-tiga sekolah yang pernah diterajui oleh pengetua berkenaan. Selain itu, pengumpulan data daripada persepsi pihak luar iaitu Pegawai Teknologi Pendidikan Negeri dapat membantu mengesahkan maklumat yang diberi oleh pengetua-pengetua yang terlibat dalam kajian dan seterusnya bertindak sebagai proses triangulasi data. Responden telah ditemu bual menerusi temu bual separa berstruktur yang lebih bersifat fleksibel. Protokol temu bual meliputi aspek berikut:

- a) Soalan pembukaan yang bertujuan untuk mengumpul maklumat demografi responden.
- b) Soalan utama yang menumpukan kepada objektif kajian iaitu perkongsian pengalaman berkaitan faktor-faktor yang mempengaruhi peranan pengetua dalam usaha untuk meningkatkan amalan membaca pelajar di sekolah masing-masing.
- c) Soalan penutup yang memberi peluang responden membuat kesimpulan dan penegasan semula informasi berkaitan faktor yang mempengaruhi kepimpinan pengetua dalam meningkatkan amalan membaca.

Responden telah ditemu bual selama 30 minit. Temu bual dirakam dan proses transkrip data dijalankan secara verbatim. Menggunakan pendekatan analisis kandungan, penyelidik kemudian membina kod-kod, mencari tema-tema dan sub tema penting berkaitan persoalan kajian menggunakan perisian Atlas ti. Pola tema ini merupakan sesuatu yang penting untuk mengenal pasti faktor-faktor yang terlibat dan menjadi asas kepada proses generalisasi umum sesuatu kajian seperti mana yang dinyatakan oleh Cresswell [48].

#### 4. Dapatan dan Perbincangan

Hasil dapatan mendapati terdapat dua kategori faktor berdasarkan pertimbangan penyelidik iaitu faktor dalaman dan faktor luaran yang mempengaruhi peranan pengetua dalam meningkatkan amalan membaca di sekolah. Faktor dalaman yang dinyatakan oleh responden ialah Jawatankuasa Program Membaca, kesedaran pengetua dan kekuatan PSS. Faktor luaran pula terdiri daripada peranan badan kerajaan, peranan PIBG dan peranan alumni. Kategori tema mengikut pecahan adalah seperti yang ditunjukkan dalam jadual 1.

**Jadual 1**  
Faktor yang mempengaruhi peranan pengetua meningkatkan minat membaca pelajar

Faktor	Tema	Kekerapan	Peratus
Faktor Dalaman	Jawatankuasa Program Membaca	69	34.9
	Kesedaran pengetua	27	13.6
	Kekuatan PSS	16	8.1
Faktor Luaran	Badan Kerajaan	41	20.7
	Peranan PIBG	26	13.1
	Alumni	19	9.6
JUMLAH	198	100	

##### 4.1 Faktor Dalaman

###### 4.1.1 Jawatankuasa program membaca

Dapatan kajian jelas menunjukkan bahawa faktor Jawatankuasa Program Membaca merupakan faktor dalaman yang paling mempengaruhi peranan pengetua dalam meningkatkan amalan membaca pelajar yang diwakili oleh 34.9 % kekerapan. Terdapat lima subtema yang wujud dalam tema ini iaitu peranan Guru Perpustakaan dan Media (GPM), komitmen guru, pembantu PSS, sokongan pengurusan sekolah dan Ahli Jawatankuasa (AJK).

Faktor GPM merupakan faktor yang paling dominan. GPM yang berdedikasi dan mempamerkan kerja buat yang cemerlang sangat membantu dalam menjayakan usaha pengetua bagi meningkatkan amalan membaca dalam kalangan pelajar.

*Guru GPM saya sememangnya tulang belakang ... kekuatan dan kesungguhan yang diberikan mempengaruhi pengetua saya (R4)*

*Peranan guru GPM sangat, sangat penting... paling memahami apa itu NILAM. (R6)*

*dia kreatif, inisiatif dia tinggi, dia rajin.. dia memang rajin (R8)*

*dia pandai ajak kawan-kawan yang boleh bantu dia..Dia pandai ambil hati budak (R18)*

*GPM yang hebat akan memudahkan pengetua dalam usaha dia meningkatkan minat membaca pelajar. (R22)*

Dapatan ini selari dengan kajian lalu oleh Torgesen, Houston, & Rissman [48] yang mendapati pentingnya meletakkan guru Pusat Sumber yang berkemahiran untuk membantu membangunkan program bacaan. Malah kajian terdahulu oleh Porter [49] menunjukkan bahawa kebanyakan pengetua percaya dan bergantung sepenuhnya kepada guru GPM dalam pelaksanaan aktiviti bacaan di sekolah. Kajian oleh Kamal dan Normah [41] turut membuktikan bahawa GPM berperanan penting dalam usaha mempromosikan dan meningkatkan tahap bacaan pelajar. Oleh itu, pengetua selaku pemimpin sekolah perlu memilih guru yang tepat untuk mengisi perjawatan Guru Perpustakaan dan Media sekiranya aspek peningkatan dalam bacaan murid menjadi hala tuju utama sekolah.

Guru perpustakaan dan media tidak boleh bergerak bersendirian dalam menjayakan misi untuk meningkatkan pembacaan murid. Hal ini kerana usaha membudayakan amalan membaca memerlukan permuafakatan menyeluruh warga guru. Oleh itu, hasrat untuk menggerakkan para pelajar supaya membaca tidak akan berhasil tanpa kerjasama dan komitmen tinggi guru-guru seperti yang dinyatakan oleh responden.

*Pengetua memang kena banyak bergantung dengan guru sebab masa yang diluangkan dengan pelajar tu banyak (R6)*

*dalam mesyuarat pun cikgu kata kejayaan sekolah.. bukan kejayaan individu. (R8)*

*kita ada guru-guru yang bermotivasi (R10)*

*Cikgu mesti panggil saya, suruh saya pergi ke perpustakaan baca buku. Walaupun dia bukan guru Pusat Sumber tapi dia macam ambil peranan... salah satu sebab saya suka membaca. (R12)*

*kerjasama dengan cikgu-cikgu, kalau tak dak kerjasama memang susah dia nak buat (R14)*

*Faktor dalaman sikap guru. ....sikap guru (R17)*

Faktor komitmen guru turut ditekankan oleh Irvin, Meltzer dan Dukes [9] yang mendapati bahawa penglibatan guru perlu menjadi matlamat utama dalam usaha meningkatkan pembacaan pelajar. Guru-guru perlu diletakkan harapan yang tinggi untuk melaksanakan aktiviti pengajaran ke arah pembacaan aktif dan perlu diberi galakan berterusan untuk meningkatkan kemahiran supaya dapat memotivasikan pelajar membaca. Tambahan pula guru-guru yang merupakan ahli panitia mata pelajaran berperanan dalam melaksanakan pengajaran ke arah pembacaan aktif seperti yang tercatat dalam Buku Panduan Pelaksanaan Program NILAM yang dikeluarkan oleh Bahagian Teknologi Pendidikan Malaysia [50].

Selain itu, AJK PSS yang dilantik turut menjadi sub tema faktor dalaman yang mempengaruhi peranan pengetua. Sikap positif, budaya suka menyumbang dan kerjasama yang diberikan sangat memudahkan pengetua dalam menjalankan tugasnya seperti yang dinyatakan oleh responden (R3) "dia nak tahu apa lagi nak buat. Lepas itu bagi garis panduan sikit boleh terus buat". Selain itu, didapati sekolah-sekolah yang terlibat dengan kajian memperuntukkan seorang pembantu yang ditempatkan di perpustakaan sekolah. Pembantu ini menguruskan proses sirkulasi dan dapat membantu mengurangkan beban guru GPM dan AJK PSS yang lain.



*.. kita ada sorang staff sokongan tunggu library.. dia balik pukul 5..banyak membantu, proses buku-buku baru...baiki buku rosak... susun rak .. ada budak dia pantau. (R8)*

*kita buat jadual bagi pekerja duduk di situ lepas waktu habis sekolah, tunggu di library supaya budak-budak boleh guna waktu petang (R13)*

*itu yang nampak lain pusat sumber. Abang Din buat semua kerja (R17)*

*Mesti ada pustakawan lah ataupun pembantu pustakawan. Jadi bebanan cikgu kurang (R20)*

Keperluan pembantu di pusat sumber sekolah turut dinyatakan dalam Garis Panduan Perpustakaan Sekolah IFLA/UNESCO [51]. Aspek ini sangat penting supaya PSS dapat menjalankan fungsinya dengan lebih berkesan. Namun dalam senario sebenar sekolah-sekolah di Malaysia, PSS diuruskan sepenuhnya oleh Guru Perpustakaan dan Media dengan bantuan AJK PSS lain yang turut mempunyai bebanan tugas mengajar, kokurikulum dan tugas-tugas lain di sekolah. Oleh itu, kesungguhan pengetua meletakkan seorang kakitangan sekolah di PSS sangat membantu bagi melancarkan lagi perkhidmatan terutama yang melibatkan aktiviti membaca.

Sokongan pengurusan sekolah juga adalah perlu untuk menjayakan misi dan visi yang telah ditetapkan oleh pengetua. Seperti yang dinyatakan oleh responden (R1) *"Kalau faktor dalaman mestilah pengurusan, mesti ada penyokong"*. Selain itu responden (R3) berpendapat fokus barisan pengurusan terhadap aktiviti membaca akan mempengaruhi pengetua.

*...sokongan pengurusan .. kalau pengetua itu tak fokus tapi PK itu fokus, dia akan mempengaruhi pengetua (R3)*

Sokongan pengurusan sekolah selaku tulang belakang dalam menggerakkan idea pengetua turut disokong oleh kajian Kamal dan Normah [41] yang berpendapat sokongan pengurusan sekolah adalah faktor penting kejayaan program bacaan yang dirancang.

Dalam buku panduan pengurusan Program NILAM yang dikeluarkan oleh Bahagian Teknologi Pendidikan [50] didapati, pengurusan sekolah, GPM, guru-guru, AJK PSS dan pembantu PSS merupakan Jawatankuasa Program NILAM Sekolah. Hal ini jelas menunjukkan bahawa jawatankuasa yang dilantik berperanan besar untuk menggerakkan aktiviti NILAM bagi membantu pengetua. Selain itu, pengurusan di peringkat pertengahan ini mampu membantu menyelesaikan masalah dengan lebih cepat [52]. Kajian-kajian lalu juga menunjukkan bahawa usaha memotivasikan pelajar dalam aktiviti membaca yang berkesan perlu melibatkan guru dan seluruh komuniti [9] serta menubuhkan satu jawatankuasa yang mempunyai perancangan strategik yang berfokus [9, 38]. Oleh itu jelaslah bahawa Jawatankuasa Program Bacaan yang dibentuk merupakan faktor dalaman dominan yang mempengaruhi pengetua menggerakkan aktiviti membaca yang dirancang.

#### *4.1.2 Sikap dan kesedaran pengetua*

Sikap dan kesedaran pengetua merupakan faktor dalaman kedua yang mewakili 13.6 % jumlah kekerapan. Pengetua-pengetua yang terlibat dalam kajian bersikap positif dan sedar tentang kepentingan membaca. Oleh itu, mereka akan memberi fokus untuk menggerakkan sumber manusia dan fizikal untuk mencapai matlamat bacaan pelajar yang disasarkan.

*kesedaran pengetua itu sendiri terhadap pentingnya sikap atau amalan membaca dalam kalangan warga sekolah. Membaca dapat membangunkan intelektual dan pemikiran yang kreatif di samping suasana sekolah yang senyap dan membaca (R5).*

*.. hanya yang minat membaca saja akan cuba mempengaruhi org lain untuk membaca. (R11)*

*sebenarnya saya suka membaca...saya suka baca di internet.....daripada bacaan tu baru ada idea. Idea-idea untuk kita laksanakan. (R13)*

*Itu kekuatan yang saya nampak bila pengetua bersikap positif (R18)*

Di samping itu, pengetua yang mempunyai kesedaran tentang kepentingan membaca akan menjadikan aktiviti NILAM sebagai salah satu daripada KPI (Key Performance Indicator) yang perlu dicapai oleh seluruh warga sekolah. Seperti yang dinyatakan oleh responden (R20) "*NILAM masuk dalam KPI pengetua (R20)*". Oleh itu, aktiviti membaca menerusi program NILAM akan menjadi sebahagian misi dan matlamat sekolah. Dapatan yang sama turut diperoleh Bean dan Lillenstein [45], yang menyatakan bahawa pengetua yang mengutamakan aspek membaca akan menjadikan pencapaian pelajar dalam program membaca sebagai matlamat sekolah yang perlu dicapai. Di samping itu, kajian lalu oleh Robinson [53] jelas menunjukkan bahawa peranan pengetua dipengaruhi oleh latar belakang, kepercayaan dan visinya yang selari dengan visi sekolah. Oleh hal yang demikian, kajian yang dijalankan jelas selari dengan dapatan Ben dan Lillenstein [45] serta Robinson [53].

Selain minat, faktor karektor pengetua sebagai seorang pembaca turut memberi kesan kepada minat membaca para pelajar. Dalam konteks ini, pengetua memainkan peranan sebagai suri teladan untuk mendorong dan mendekati para pelajar supaya membaca seperti yang dikongsi oleh responden (R14) "*..sebenarnya dia punya karakter, personaliti tu sendiri berjaya sebenarnya mendekati pelajar-pelajar tu (R14)*". Seperti yang dinyatakan oleh Dempster [36], pengetua yang ingin menarik pelajar membaca perlu memperlihatkan dirinya sebagai seorang yang berpengetahuan dalam aktiviti membaca. Selain itu, fokus dan persepsi pengetua terhadap aspek amalan membaca di sekolah turut dipengaruhi oleh latar belakang peribadi dan pendidikan pengetua itu sendiri [54]. Ini bermakna pengetua hanya akan mengamalkan kepimpinan yang menjurus kepada aktiviti membaca dengan cemerlang sekiranya beliau sendiri berasal daripada keluarga yang mementingkan amalan membaca. Oleh itu, dapatlah dikatakan bahawa kajian ini turut memperoleh dapatan yang sama dengan kajian Dempster [36] dan Hoewing [54].

Selain itu, dapatan jelas menunjukkan bahawa sikap pengetua yang sering membaca bersama dan menasihati pelajar akan mewujudkan kemesraan dan rasa hormat yang lebih tinggi. Walaupun pengetua sekolah merupakan figura yang disegani, dihormati dan menimbulkan rasa takut dalam kalangan pelajar, namun pengetua-pengetua yang terlibat mempunyai aura yang unik kerana mudah didekati. Dapatan ini menyokong kajian-kajian lalu yang jelas membuktikan bahawa pengetua yang menekankan aspek kemanusiaan seperti menjaga perhubungan dengan guru dan murid lebih mendapat sokongan dan mampu menggerakkan warga sekolah melakukan sesuatu perkara dengan lebih berkesan dan berkualiti [55-56].

#### *4.1.3 Kekuatan Pusat Sumber Sekolah (PSS)*

Kekuatan PSS merupakan faktor dalaman dan faktor paling rendah kekerapannya iaitu 16%. Namun begitu, faktor ini tetap memberi impak besar kepada usaha meningkatkan pembacaan pelajar. Hal ini kerana aktiviti membaca yang berkesan memerlukan PSS yang kondusif dan

mempunyai koleksi bahan bacaan yang mampu memenuhi kehendak pelajar yang pelbagai. Didapati, sekolah-sekolah yang terlibat dengan kajian mempunyai PSS yang diurus dengan baik dan berfungsi. Malah, PSS menjadi nadi sekolah dalam pelaksanaan semua aktiviti NILAM yang menjurus kepada pembudayaan ilmu.

*Pusat sumber tu sendirilah... dah jadi role model.. sebagai penggalak dan kita dah ada kekuatan.. kita cuba bagi tumpuan pada kekuatan yang ada (R8)*

*Faktor dalaman tentunya Pusat Sumber kita. Kita ada Pusat Sumber yang kondusif untuk pelajar kan (R10)*

*sebab "tagline" PSS dan pelajar berpisah tiada...macam PSS ni nadi untuk menggerakkan aktiviti di sekolah (R12)*

*Kekuatan PSS juga membolehkan integrasi amalan membaca dalam semua aktiviti akademik dan kokurikulum dilaksanakan selaras dengan keperluan Program NILAM. Ini bermakna aktiviti membaca menjadi wadah kepada pelaksanaan aktiviti lain seperti yang dinyatakan responden (R14).*

*bila nak daki gunung tu, kena cari dulu (maklumat) kena baca .. nak guna bahan apa, nak kena sedia apa semua. (R14)*

Selain itu, faktor kekuatan PSS turut menjadi pencetus ke arah kecemerlangan yang lebih besar. PSS yang telah mencapai status PSS cemerlang dan sering dijadikan penanda aras boleh dianggap sebagai satu 'turning point' kepada usaha meningkatkan imej sekolah. Imej pelajar sekolah yang cemerlang sering kali dikaitkan dengan amalan membaca. Oleh itu, usaha pengetua mengangkat nama sekolah dengan menaikkan imej cemerlang Pusat Sumber Sekolah turut mengubah tanggapan pelajar mengenai diri mereka. Pelajar akan berusaha memberi imej diri yang positif dengan meningkatkan pembacaan.

*masa tu misi sekolah nak jadi sekolah terbaik daerah. Kalau macam sekarang pulak kita nak target jadi sekolah kluster 2018 jadi mungkin disebabkan faktor tu la. (R14)*

Kekuatan PSS sebagai faktor yang sangat membantu usaha pengetua menggalakkan amalan membaca turut dibincangkan dalam kajian terdahulu [26, 41, 42]. Oleh itu, pengetua yang berhasrat untuk menggalakkan amalan membaca dan penglibatan pelajar dalam NILAM perlu memberi tumpuan kepada pembangunan pusat sumber.

## 4.2 Faktor Luaran

### 4.2.1 Badan kerajaan

Badan kerajaan merupakan faktor luaran tertinggi iaitu mewakili 20.7 % kekerapan. Badan kerajaan yang banyak mempengaruhi peranan pengetua dalam meningkat amalan membaca ialah Jabatan Pelajaran Negeri, Bahagian Teknologi Pendidikan, Pejabat Pelajaran Daerah, Pusat Kegiatan Guru dan Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri. Selaras dengan sistem pentadbiran pendidikan di Malaysia yang bersifat 'top down', maka pengetua perlu akur dan melaksanakan peranannya

seperti yang diarahkan oleh pihak atasan. Pemantauan serta arahan melalui surat siaran mempengaruhi pengetua dalam usaha meningkatkan pembacaan murid dengan lebih berkesan.

*PKG biasa setakat di sini mereka datang hujung tahun. Datang check (semak) kita buat atau tidak.. (R2)*

*perincian mesyuarat kurikulum yang ketua sektor bagi dah dimasukkan PSS NILAM (R3)*

*Kalau luaran mungkin dari segi JPN, PPD (R3)*

*PKG tu lebih kepada kena buat apa.. PKG nak, kita kena buat (R14)*

Selain pelaksanaan berdasarkan arahan, badan kerajaan ini juga turut membantu dan memberi sokongan kepada pelaksanaan aktiviti membaca yang dijalankan. Kolaborasi aktiviti ini menjadikan aktiviti membaca lebih memberi impak berkesan.

*Pusat Sumber (Bahagian Teknologi Pendidikan) ni sendiri banyak menyumbang juga..Pusat Kegiatan Guru membantu lah ... khidmat bantu ..apa-apa benda yang kurang (R8)*

*PKG walaupun jauh sikit, hubungan memang okay... terlalu okay PKG tu. Banyak bantu dari segi kursus (R10)*

*PKG, BTP yang bagi sokongan. PKG ni yang sebenarnya yang banyak tolong (R15)*

*kita buat kolaborasi dengan Perpustakaan Awam tu pun dah memang satu impak, cikgu nampak ada kesan. (R1)*

Tambahan pula galakan dan insentif daripada Kementerian Pelajaran Malaysia seperti yang dinyatakan oleh responden (R5) turut menjadi faktor yang memotivasikan pengetua. Malah kemenangan dalam Pertandingan NILAM dan Anugerah Pusat Sumber Cemerlang merupakan satu bonus besar kepada pengetua bagi permohonan kenaikan pangkat selaku Pengetua Cemerlang.

Dapatan hasil temu bual bersama lima responden yang merupakan pegawai di Bahagian Teknologi Pendidikan turut menyatakan kerjasama yang telah dilaksanakan bagi membantu pengetua dalam usaha mereka meningkatkan pembacaan pelajar.

*BTPN nak tolong untuk upgraden (naik taraf) pusat sumber (R18).*

*Kita bagi slide lah dekat dia (untuk pengetua sampaikan taklimat) (R7).*

*apa benda-benda yang kurang, kami bagi idea (R18)*

*Lepas tu saya kata kalau ada idea-idea yang baik daripada sekolah tu kalau sangkut apa-apa kami bantu. (R18)*

*Pengetua yang rajin ni depa kenal orang PKG macam kami..jika kami ke sekolah depa akan datang berbincang tentang NILAM. Kadang-kadang depa terus telefon....Orang kata*

*sering berhubung dengan pihak PKG untuk mendapat maklumat baru tentang NILAM (R19)*

Dapatan ini jelas selari dengan kajian terdahulu berkaitan faktor kerajaan dalam mempengaruhi peranan pengetua [9, 27]. Hal ini terjadi kerana sistem pentadbiran di Malaysia sendiri bersifat 'top – down' dan pengetua akan melaksanakan peranannya dengan lebih berkesan berdasarkan arahan yang dikeluarkan. Walaupun kajian Mansor [7] mendapati kebanyakan pengetua hanya mengambil tindakan berkaitan aktiviti membaca setelah mendapat arahan pihak atasan, namun dalam konteks kajian, pengetua-pengetua yang terlibat turut mengambil inisiatif berbincang dengan pegawai di Pusat Kegiatan Guru, Pejabat Pelajaran Daerah dan Bahagian Teknologi Pendidikan. Oleh itu, dalam aspek ini, badan-badan kerajaan yang terlibat berfungsi memberi khidmat bantu kepakaran dan nasihat supaya pengetua dapat menjalankan peranannya dengan lebih cemerlang.

#### *4.2.2 Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG)*

Persatuan Ibu Bapa dan Guru merupakan faktor luaran kedua tertinggi yang mempengaruhi pengetua dalam usahanya meningkatkan minat membaca pelajar. Faktor ini mewakili 13.1% kekerapan keseluruhan. PIBG memainkan peranan besar dalam menentukan kelangsungan aktiviti membaca yang dilaksanakan di sekolah berkekalan di rumah. Sokongan ibu bapa dalam menyediakan persekitaran membaca membantu meningkatkan semangat murid untuk terus membaca. Sehubungan itu, ibu bapa yang berjaya melahirkan pembaca terbanyak biasanya akan diberi pengiktirafan oleh pihak sekolah.

*semua letak asal usul kepada ibu bapa (R1)*

*yang penting waris di rumah. Kalau kita di sekolah bercakap macam mana pun nanti dia balik di rumah tak dak sokongan (R13)*

*baucer kfc untuk keluarga, libatkan keluarga.. .. baucar percutian, waris pun semangat. (R19)*

*kita pun bagitau dia punya peranan dan dia pun boleh sains, mengesahkan bacaan anak (R13)*

Selain itu, sokongan PIBG dapat dilihat menerusi keutamaan mereka dalam pemberian dana dan sumbangan buku kepada pihak sekolah supaya aktiviti NILAM berjalan dengan lebih berkesan.

*kita minta waris sumbang buku...(R1)*

*PIBG pun dia menitikberatkan program NILAM .. dia support, (R6)*

*PIBG ada jugak bantu... PIBG bagi duit .. (R8)*

*buku rekod NILAM percuma untuk pelajar (R10)*

*PIBG sentiasa tiap-tiap tahun bagi sumbangan dalam RM1,000.00 ke RM2,000.00 untuk beli hadiah NILAM (R15)*

*Duit tu kita guna lah untuk beli buku tambah dengan duit PCG lagi (R21)*

Peranan PIBG dalam meningkatkan minat membaca pelajar juga turut dinyatakan oleh Irvin, Meltzer dan Dukes [9] yang mendapati bahawa usaha mengekalkan budaya membaca menjadi lebih berkesan jika melibatkan kerjasama PIBG. Selain itu, memperkasa hubungan sekolah-PIBG mampu meningkatkan motivasi membaca pelajar [38] dan seterusnya menggalakkan pembacaan merentasi kurikulum di sekolah [37]. Tambahan pula, menurut Busayo [4], penglibatan serta sokongan ibu bapa akan mendorong minat membaca pelajar kerana pemantauan ibu bapa akan menggalakkan pelajar mencapai sasaran bacaan yang ditetapkan. Oleh itu, faktor PIBG jelas membantu pengetua dalam usahanya meningkatkan pembacaan pelajar dengan lebih berkesan.

#### 4.2.3 Alumni

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa alumni turut menjadi salah satu faktor yang mempengaruhi peranan pengetua dalam usaha meningkatkan minat membaca. Tema ini mewakili 9.6 % daripada keseluruhan tema. Kejayaan bekas-bekas pelajar menjadi inspirasi kepada generasi pelajar baru. Bekas pelajar yang berjaya mampu mendorong supaya membaca menerusi sesi yang telah dirancang oleh pihak sekolah seperti yang dinyatakan oleh responden (R14) *“bila dia datang ke sini pun dia pesan suruh baca sebab dia sendiri dulu memang suka baca buku...dia memang galakkan budak-budak (R14)*. Malah, terdapat sekolah yang menjadikan alumni sebagai Ikon NILAM seperti yang dinyatakan oleh responden (R13) *“Ikon tu la, kira Datuk K dengan Datuk Siti (R13)’*

Selain itu, alumni sekolah turut berperanan memberi sumbangan kewangan untuk pembangunan infrastruktur PSS.

*duit dia bagi banyak ... yang lantai la.. dengan rak la (R13)*

*Penglibatan ALUMNI dalam pembangunan Pusat Sumber. (R13)*

*mula bagi tu RM100,000 lebih ..Bahagia, ni kita buat pakai duit dia la (R15)*

*dia ada tokoh korporat dan alumni sekolah itu yang sponsor tiap-tiap tahun... sampai mereka letak nama terus Pusat Sumber Dato' Khalid dengan tanda special. (istimewa) (R20)*

*Dato' K turunkan duit ataupun Siti turunkan duit terus ke perpustakaan. Dia takkan salur ke tempat lain. ...guna untuk PSS ..untuk rangkaian sumber yang lain (R20)*

*Alumni sebagai salah satu faktor yang mempengaruhi peranan pengetua dalam usaha meningkatkan minat membaca jelas dapat dilihat menerusi pandangan responden (R20) yang berpendapat “Kalau kata tiada bantuan daripada korporat atau alumni memang tak bolehlah (R20)”.*

Peranan Alumni turut dinyatakan oleh Scholastica dan Terhile [57] yang mendapati contoh teladan baik yang ditunjukkan oleh alumni memberi kesan yang positif kepada disiplin pelajar yang berada di sekolah tersebut. Malah penglibatan bekas pelajar mampu membantu proses transformasi pembangunan dan kemajuan sekolah. Oleh hal yang demikian, adalah dicadangkan agar para pengetua mengenal pasti bekas-bekas pelajar yang berpotensi supaya dapat dimanfaatkan demi kemajuan sekolah dan kemenjadian pelajar.

#### **4. Cadangan dan Kesimpulan**

Hasil kajian merumuskan bahawa terdapat dua kategori faktor berdasarkan pertimbangan penyelidik iaitu faktor dalaman dan faktor luaran yang mempengaruhi peranan pengetua dalam meningkatkan amalan membaca menerusi Program NILAM. Faktor dalaman terdiri daripada Jawatankuasa Program Membaca, kesedaran pengetua dan kekuatan PSS. Faktor luaran pula terdiri daripada peranan badan kerajaan, peranan PIBG dan peranan alumni.

Kajian yang dijalankan jelas menunjukkan bahawa faktor Jawatankuasa Program Membaca merupakan faktor keseluruhan yang paling dominan berbanding faktor-faktor lain. Oleh itu, faktor ini perlu diberi perhatian serius oleh para pemimpin sekolah bagi membolehkan proses pembangunan program membaca dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan. Justeru, para pengetua disarankan untuk memperkasakan jawatankuasa yang terdiri daripada pengurusan sekolah, guru GPM, AJK PSS, guru-guru dan pembantu PSS. Latihan berterusan dan kursus-kursus pembangunan profesional berkaitan aspek bacaan pelajar perlu ditingkatkan dalam kalangan jawatan kuasa yang dilantik di peringkat sekolah. Hal ini bagi membolehkan kepakaran jawatankuasa ini dapat dimanfaatkan sebagai pakar rujuk dan membimbing guru-guru lain melaksanakan aktiviti NILAM. Oleh itu semua guru perlu memberi komitmen dan bersedia membuat perubahan.

Selain itu, walaupun tugas pengetua adalah kompleks dan bersifat rencam, namun sokongan positif faktor-faktor yang dinyatakan mampu membantu pengetua dalam menyemai tabiat membaca. Hal ini jelas terbukti apabila ketiga-tiga sekolah kajian merupakan sekolah yang telah menerima pelbagai pengiktirafan di peringkat kebangsaan khasnya yang melibatkan aktiviti membaca dan pembangunan pusat sumber sekolah. Kajian jelas menunjukkan bahawa faktor kesedaran dan sikap pengetua terhadap dunia buku sangat mempengaruhi minat membaca pelajar. Oleh itu, adalah disarankan agar pihak Kementerian Pendidikan Malaysia memberi keutamaan kepada pemilihan pengetua yang mempunyai ciri-ciri berbudaya ilmu, gemar membaca dan sanggup membuat pembaharuan. Pengetua sebegini lebih berfikiran positif, mampu membangunkan dan menerajui sekolah dalam pelbagai aspek.

Menyentuh faktor kekuatan PSS dan penglibatan badan kerajaan, adalah dicadangkan agar peruntukan tambahan diberikan kepada sekolah-sekolah supaya pembangunan pusat sumber dan usaha penambahan koleksi dapat ditingkatkan. Fokus kerajaan terhadap pembangunan program membaca di sekolah khasnya program NILAM dalam konteks negara Malaysia mampu menjadi pelaburan yang bermakna sebagai pemangkin kepada pendidikan rakyat sepanjang hayat. Kerjasama erat agensi kerajaan dan sumbangan bahan bacaan daripada agensi swasta ke sekolah-sekolah mampu memberi perubahan positif kepada usaha membudayakan amalan membaca.

Dalam konteks kajian, penyelidik mendapati faktor alumni sebagai faktor luaran yang mempengaruhi peranan pengetua dalam aktiviti membaca, tidak banyak disentuh secara khusus dalam kajian-kajian lampau. Faktor alumni hanya sekadar dilihat sebagai faktor yang menyumbang kepada pembangunan sekolah terutama aspek kewangan. Oleh itu, adalah dicadangkan agar aspek peranan alumni dapat diberi perhatian dalam kajian-kajian akan datang. Para pengetua juga disarankan agar dapat mengenal pasti bekas-bekas pelajar yang berjaya dan memaksimumkan potensi ini untuk memberi motivasi membaca dan kecemerlangan kepada pelajar dalam pelbagai aspek.

Secara amnya hasil dapatan kajian ini boleh dijadikan panduan kepada pengetua-pengetua lain selaku pemimpin sekolah supaya dapat memberi fokus kepada faktor-faktor yang dinyatakan. Penemuan ini diharap dapat disebar luas dalam kursus-kursus kepengetuaan dan kepimpinan sekolah. Selain itu, dapatan ini diharap dapat menggalakkan pengetua-pengetua lain merancang

langkah yang sesuai untuk membangunkan faktor-faktor yang telah terbukti berjaya meningkatkan amalan membaca di sekolah-sekolah kajian.

Sungguhpun begitu, kajian lanjutan menggunakan pendekatan kualitatif dan kuantitatif berkaitan faktor-faktor yang mempengaruhi peranan pengetua dalam aspek meningkatkan minat membaca perlu dijalankan. Adalah dicadangkan agar kajian turut dijalankan di sekolah-sekolah yang mempunyai tahap pembacaan yang rendah untuk tujuan perbandingan. Selain itu, sampel penyelidikan tentang faktor yang mempengaruhi peranan pengetua dalam aspek minat membaca pelajar sewajarnya diperkembangkan di peringkat daerah, negeri mahupun seluruh negara supaya generalisasi dapat dibuat dalam skala yang lebih besar bagi mengatasi masalah pembudayaan amalan membaca secara keseluruhan dalam jangka masa panjang.

## Rujukan

- [1] Annamalai, Subashini, and Balakrishnan Muniandy. "Reading Habit and Attitude among Malaysian Polytechnic Students." *International Online Journal of Educational Sciences* 5, no 1 (2013): 32–41.
- [2] Cuevas, Joshua A., Roxanne L. Russell, and Miles A. Irving. "An Examination of the Effect of Customized Reading Modules on Diverse Secondary Students' Reading Comprehension and Motivation." *Educational Technology Research and Development* 60 (2012): 445–67
- [3] Raja Abdullah Yaakob. "Achieving Excellence Through Information Literacy as Part of Innovative Curriculum." *Journal of Arts Science & Commerce* 11 (2011): 1–10.
- [4] Busayo, Isaac Oluwadare. "The School Library As a Foundational Step To Childrens' Effective Reading Habits." *Library Philosophy and Practice (E-Journal)*, (2011).
- [5] Dai, Wenji. "Correlates of the Reading Interest of Chinese High School Students in International Schools." *Asian Social Science* 9, no. 3 (2013).
- [6] Chen, Su Yen. "Functions of Reading and Adults' Reading Interests." *Reading Improvement*, (2009): 108–17.
- [7] Azlin Norhaini Mansor, Mohd Sattar Rasul, Rose Amnah Abd Rauf, and Bee Lian Koh. 2012. "Developing and Sustaining Reading Habit Among Teenagers." *The Asia-Pacific Education Researcher*, no. 1997(2012).
- [8] Sullivan, Mary Pinson. "Achievement Effects of Sustained Silent Reading." Liberty University, 2010.
- [9] Irvin, J., Meltzer, J., Dukes, M. *Taking action on adolescent literacy: An implementation guide for school leaders*. Association for Supervision and Curriculum Development. 2007.
- [10] Heri Hidayat, and Siti Aishah. "Read Interest Co-Relational With Student Study Performance In IPS Subject Grade IV (Four) In State Elementary School 1 Pagerwangi Lembang." *International Journal of Scientific & Technology Research* 2, no. 1 (2013).
- [11] Kim, Ji Young, and Trela Anderson. "Reading Across the Curriculum : A Framework for Improving the Reading Abilities and Habits of College Students." *Journal of College Literacy & Learning* 37 (2011): 29–40.
- [12] Bates, L., Breslow, N., Hupert, N. "Five states' efforts to improve adolescent literacy" (Issues & Answers Report, REL 2009–No. 067). Washington, DC: U.S. Department of Education, Institute of Education Sciences, (2009)
- [13] Guthrie, John., Allan, Wigfield., and Clare VonSecker. "Effects of Integrated Instruction on Motivation and Strategy Use in Reading." *Journal of Educational Psychology* 92, no. 2 (2000): 331–41.
- [14] Shahrom TM Sulaiman, Haslinda Husaini, Sobariah Awang Mukhtar, and Mohd Zairul Masron. "Pemantapan Budaya Membaca Dan Pelaksanaan NILAM: Isu Dan Cabaran," 2008.
- [15] Bahagian Teknologi Pendidikan. *Laporan I-NILAM* (Atas talian). (2014). <http://nilam.tarantula.my/index.php>.
- [16] Vethamani, Malachi Edwin, and Premalatha Nair. "Literacy Development Through the Incorporation of Literature in Language Education for Malaysian Secondary School Students." *Indonesian Journal of English Language Teaching* 5, no. 2 (2009): 153–67.
- [17] Mohamad Jafre Zainol Abidin, Majid Pour - Mohammadi, and Low S.P Joyce. "A Preliminary Study of Creative Buddy Reading Program." *International Journal of Humanities and Social Science* 1, no. 16 (2011): 281–86.
- [18] Haslinda Husaini, Rafidah Abdul Aziz, and Shahrom T.M Sulaiman. "Reading Habits and Attitudes Among Students in Secondary School." Research Reports. Research Management Institute, Universiti Teknologi MARA. Shah Alam, 2011. <http://eprints.uitm.edu.my/6445/>.
- [19] Pandian, Ambigapathy. "How Malaysia Reads : Individual, Homes and School Initiatives." In *Thailand Conference on Reading 2011*, (2011) 1–24.
- [20] Inderjit, S. "Reading Trends and Improving Reading Skills among Students in Malaysia." *International Journal of Research in Social Sciences* 3, no. 5 (2014): 70–81.



---

[21] Bahagian Teknologi Pendidikan. *Laporan Kajian Penilaian Program NILAM 2004*. Kementerian Pendidikan Malaysia. 2004